



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
18 MEI 2019 (SABTU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | | |
|---|------------------------------|----|
| - | Jangan jual makanan tercemar | 37 |
|---|------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 MEI 2019 (SABTU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Jangan jual makanan tercemar
Muka Surat	37

SINAR HARIAN • SABTU 18 MEI 2019

37

AMPANG. HULU LANGAT

HUBUNGI SKUDI AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6880275

ST 18/5/19 MS 37.

Jangan jual makanan tercemar

Peniaga bazar Ramadhan digesa jaga kebersihan persekitaran, makanan

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menggesa peniaga bazar Ramadhan menjaga kebersihan persekitaran dan makanan yang dijual kepada pengguna.

Yang Dipertuaanya, Datuk Abd Hamid Hussain berkata, menjual makanan tercemar akan memberikan kesan sampingan kepada pengguna dan boleh mengakibatkan keracunan makanan.

Menurutnya, peniaga juga perlu mematuhi syarat permit dikeluarkan oleh MPAJ dan dinasihati supaya tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas serta kacau ganggu kepada orang ramai.

"Kita membuat pemantauan di setiap bazar Ramadhan bagi menjamin keselamatan orang ramai," katanya ketika berucap pada Program Bazaar Ramadhan Mampan Peringkat MPAJ 2019 di Bazar Ramadhan Taman Melur kelmarin.

Hadir sama, Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha.

Abd Hamid berkata, MPAJ menyediakan 1,410 petak pasar juadah di 23 lokasi Bazar Ramadhan Taman Melur di sini

dan Kehidupan Bandar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha.

Abd Hamid berkata, MPAJ menyediakan 1,410 petak pasar juadah di 23 lokasi Bazar Ramadhan Taman Melur di sini

"Sebanyak 1,365 petak diperuntukkan peniaga dan pembahagian

nya ialah 959 petak untuk peniaga makanan manakala 406 petak untuk peniaga minuman.

"Penjualan permitt pasar juadah melibatkan 680 peniaga dengan bayaran RM250 satu petak bagi peniaga makanan dan RM275 satu petak untuk peniaga air tebu atau kelapa," katanya.

Beliau berkata, permitt diberikan apabila peniaga mematuhi syarat ditetapkan antaraanya merupakan warganegara Malaysia.

"Hanya boleh mohon satu lokasi dan dua petak serta peniaga dan pembantu diwajibkan ambil suntikan TV2 di samping menghadiri taklimat bazar Ramadhan yang MPAJ anjurkan," katanya.

Menurutnya, antara objektif utama program Bazaar Ramadhan Mampan adalah untuk meningkatkan kesedaran pengguna berkenaan kepentingan pengurangan penggunaan beg plastik dan plastik.

"Kita mahu menggalakkan penggunaan *biodegradable bag* selain program kesedaran keselamatan makanan serta mengelakkan pembaziran, kempen keseda-

ran kitar semula, kempen kitar semula minyak masak terpakai dan menyampaikan maklumat mengenai hal etikal pengguna," katanya.

Abd Hamid berkata, pihaknya turut melaksanakan program 'MySaveFood' untuk kali kedua.

"Pengajurannya bermula pada 2018 di Pasar Juadah Pandan Indah. Saya dimaklumkan 770 kilogram makanan diselamatkan."

"Tahun ini, MPAJ sekali lagi bekerjasama dengan Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI), Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia dan Team Sukarelawan Selangor untuk mengadakan program 'MySaveFood' dengan meluaskan tempat pengumpulan iaitu di Bazar Kompleks Muhibbah dan Bazar Bukit Indah," katanya.



Haniza (dua dari kiri) merasmikan Program Bazaar Ramadhan Mampan Peringkat MPAJ 2019 di Bazar Ramadhan Taman Melur kelmarin.

info

MPAJ menyediakan 1,410 petak pasar juadah di 23 lokasi